

26/11/1999

Lagi sokongan majoriti senyap

g; Asrol Awang; Kayno Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Sokongan golongan majoriti senyap, terutama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kepada Barisan Nasional (BN) semakin jelas, terutama menjelang pilihan raya umum kali ini.

Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) meminta masyarakat India di negara ini supaya mengekalkan pemerintahan BN menerusi pilihan raya umum kali ini.

Presidennya, Senator Datuk V K K Teagarajan, berkata masyarakat India tidak ada alasan mempercayai janji kosong parti pembangkang berdasarkan kemajuan yang dicapai kaum itu sekarang.

Katanya, kaum India yang tidak lagi dibelenggu kemiskinan wajar menyokong kerajaan BN menyambung pemerintahan kerana dasar kerajaan berjaya membantu mereka mencapai kemajuan itu.

MAICCI mempunyai 2,500 anggota tetap dan kira-kira 250,000 anggota tidak langsung.

Persatuan Telegu Malaysia yang mewakili 300,000 ahlinya turut tampil menyatakan sokongan kepada kerajaan sedia ada.

Presidennya, Paul Naidu, berkata Malaysia pesat membangun dari segi ekonomi, selain aman dan harmoni di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Oleh itu, tidak ada sebab bagi kami memberi sokongan kepada pihak lain yang belum diuji keupayaan mereka. Kami dengan ini akan berusaha memujuk pengundi memberi undi menyokong kestabilan dan keselamatan.

"Kami akan menggerakkan banyak cawangan di seluruh negara supaya menyediakan lebih 300 kereta bagi membantu pengundi yang memerlukannya ketika hari pengundian," katanya.

Di KOTA BHARU, 46 pertubuhan Cina di negeri ini melafazkan ikrar setia mereka ketika bertemu dengan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Pemimpin tertinggi pertubuhan terbabit turut memberi jaminan bahawa masyarakat Cina negeri ini akan memberi sokongan kepada BN, khususnya memastikan BN menguasai semula negeri ini.

Mereka yakin hanya BN mampu membawa pembangunan ke Kelantan kerana terbukti pemerintahan Pas hampir 10 tahun bukan saja gagal membangunkan negeri ini, malah pertumbuhan ekonomi juga semakin lembap.

Yang Dipertua Dewan Perhimpunan Tionghua Kelantan, Yap Kian Chaw, berkata masyarakat di negeri ini sedar hala tuju negara ke arah pembangunan lebih pesat.

Sehubungan itu, katanya, mereka tidak mahu menjadi rakyat yang ketinggalan dalam arus kemajuan negara.

Di MELAKA, Persatuan Olahraga Veteran Malaysia (POVM) dan Persatuan Pengguna Ayer Keroh (PPAK) yang masing-masing mempunyai lebih 1,000 keahlian, berikrar memberi sokongan padu kepada BN.

Presiden POVM, Datuk Abdullah Mohd Dom, berkata ahli persatuan itu yang kebanyakan menjangkau usia melebihi 55 tahun, sentiasa digalakkan supaya keluar membuang undi pada pilihan raya kali ini.

"Kami bukan saja memberi jaminan mereka akan keluar membuang undi, malah memastikan tidak membuat pemilihan yang salah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengguna Ayer Keroh, Sulaiman Mohamad, menasihatkan ahli persatuan tidak terpedaya dakyah pembangkang yang sentiasa cuba memutar belit isu semasa.

"Masa depan negara terletak pada tangan kita, jika tersalah pilih sudah

pasti negara akan hancur, rakyat akan menderita dan keamanan yang kita kecapai sekarang menjadi musnah," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Di KUANTAN, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang mempunyai 653,823 ahli membabitkan 13 Pertubuhan Peladang Negeri dan 268 Pertubuhan Peladang Kawasan, turut berikrar memberikan sokongan padu kepada BN dan Dr Mahathir.

Pengerusinya, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata ini kerana pihaknya yakin hanya kerajaan BN mampu meneruskan pembangunan pertanian di negara ini.

Menurutnya, kesungguhan BN membawa pembangunan dan menaikkan taraf kehidupan peladang sudah terbukti serta banyak memberikan petanda positif.

"Sehubungan itu, tiada alasan bagi ahli Nafas untuk tidak menyokong BN dalam pilihan raya umum kali ini.

"Nafas yang ditubuhkan kerajaan sudah berjaya mengubah sektor pertanian supaya menjadi lebih moden," katanya di sini, hari ini.

(END)